



Consolidate • Strengthen • Enduring

SIARAN MEDIA

Untuk Edaran Segera

Resorts World Kijal, Anak Syarikat Genting Malaysia dan Jabatan Perikanan Negeri Terengganu Perkasakan Inisiatif Pemuliharaan Penyu di Pantai Kijal

KEMAMAN, TERENGGANU, 23 Ogos 2025 – Resorts World Kijal (RWK), anak syarikat Genting Malaysia dengan kerjasama Jabatan Perikanan Negeri Terengganu, telah memantapkan lagi inisiatif pemuliharaan penyu yang berterusan di Pantai Kijal, menjadikan ia program yang berimpak tinggi. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada komitmen tanggungjawab sosial korporat Genting Bersama Malaysia untuk melindungi penyu laut yang semakin terancam dan memupuk amalan menjaga kelestarian persekitaran di sepanjang pesisir pantai. Bertemakan "Bersama Melindungi Warisan Lautan Kita", inisiatif ini memberi tumpuan kepada pendidikan perlindungan alam sekitar, penglibatan belia, serta tindakan pemuliharaan secara langsung, berlatar belakangkan keindahan semula jadi salah satu tapak pendaratan penyu terakhir di negara ini.

Bertindak Segera Membawa Perubahan

Acara yang berlangsung pada 23–24 Ogos lalu telah diserikan dengan kehadiran Penolong Pegawai Daerah Kemaman, Puan Hanum binti Isa @ Ghazali, dengan pelepasan simbolik 100 ekor anak penyu pada waktu senja bersama sukarelawan Genting Green Generation (G3), sebuah inisiatif warga kerja Genting Malaysia yang berteraskan kelestarian alam sekitar dan penglibatan aktiviti berk komuniti. Bagi memperkukuh kesedaran peserta mengenai usaha pemuliharaan penyu, sesi kesedaran dan pembelajaran turut dianjurkan bersama Jabatan Perikanan Terengganu dan WWF Malaysia. Pada hari berikutnya, acara diteruskan dengan aktiviti pembersihan pantai sepanjang 7.6 kilometer di Resorts World Kijal yang berjaya mengutip 450kg bahan terbuang dan disempurnakan dengan penanaman 30 anak benih kelapa. Acara ini turut diadakan dengan sokongan wakil Nikon dan Persatuan Fotografi Petaling Jaya.

Spencer Lee, Naib Presiden Eksekutif Jualan, Pemasaran & Perhubungan Awam, berkata, "Kami amat berbangga dengan kerjasama bermakna ini bersama Jabatan Perikanan Negeri Terengganu yang telah terjalin sejak 2023. Di Genting Malaysia, kami percaya bahawa tanggungjawab untuk melindungi alam sekitar bukanlah usaha individu, tetapi satu komitmen bersama. Oleh itu, kami telah melibatkan ahli G3 kami secara aktif dalam inisiatif ini untuk meningkatkan kesedaran, memupuk rasa tanggungjawab, dan mencetuskan kesan berpanjangan yang melangkaui organisasi kami. Harapan kami adalah agar usaha ini berkembang menjadi satu gerakan yang dipacu oleh komuniti. Satu gerakan yang memberi inspirasi kepada perubahan yang berkekalan. Bersama-sama, kita boleh menjadi agen perubahan yang melindungi warisan marin kita untuk generasi akan datang."

Pihak Jabatan Perikanan Negeri Terengganu turut berkongsi pandangan teknikal berkenaan usaha pemuliharaan penyu di peringkat kebangsaan, termasuk cabaran dan penyelesaian spesifik di pantai timur Semenanjung. Menurut Puan Norlizawati binti Ibrahim, Ketua Cawangan Konservasi Dan Perlindungan Perikanan, Pejabat Perikanan Negeri Terengganu, “Inisiatif yang dijalankan bersama Resorts World Kijal merupakan usaha berterusan Jabatan Perikanan Negeri Terengganu dalam memelihara spesies penyu yang semakin terancam di Malaysia. Kita dapat lihat kadar pendaratan penyu makin meningkat seluruh negara dan ini dapat membantu dalam proses memulihkan populasi penyu di perairan negara. Melalui inisiatif ini, kami dapat meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan pemeliharaan spesies terancam dan keperluan melindungi alam sekitar.”

Pantai Kijal, Salah Satu Tapak Pendaratan Penyu Terakhir

Terletak di Kemaman, Pantai Kijal merupakan habitat penting bagi spesies penyu yang terancam seperti Penyu Agar (*Chelonia mydas*) dan Penyu Karah (*Eretmochelys imbricata*). Namun, akibat pembangunan tidak terkawal, pencemaran laut dan aktiviti pencerobohan telur penyu, populasi penyu di sini semakin berkurangan.

Menurut Jabatan Perikanan Negeri Terengganu, pendaratan penyu kini semakin jarang berlaku, dan hanya sebilangan kecil anak penyu berjaya membesar hingga dewasa, satu peringatan jelas tentang keperluan mendesak untuk pemuliharaan bersepadu yang digerakkan melalui kolaborasi syarikat swasta, kerajaan dan komuniti setempat.

Pengalaman Pelancongan Menggabungkan Hospitaliti dan Pemuliharaan Alam Semula Jadi

Sebagai penganjur dan penaja utama program ini, Resorts World Kijal berazam untuk meletakkan pemuliharaan alam semula jadi sebagai sebahagian daripada pengalaman pelancongan yang ditawarkan. Inisiatif ini selaras dengan hala tuju jangka panjang tanggungjawab sosial korporat RWK di bawah Genting Malaysia, yang menggabungkan elemen hospitaliti dan kelestarian demi menawarkan pengalaman yang lebih bermakna kepada para pengunjung.

“Kami bangga kerana dapat menawarkan lebih daripada sekadar pengalaman bercuti di tepi pantai,” ujar Errol Christopher De Castro, Pengurus Kanan di Resorts World Kijal. “Melalui kerjasama ini, para tetamu bukan sahaja membawa pulang kenangan indah, tetapi juga ilmu dan pengetahuan baru, hubungan yang lebih mendalam dengan persekitaran biodiversiti Malaysia, serta peluang untuk menyumbang kepada usaha yang benar-benar bermakna.”

Menuju Masa Hadapan

Kejayaan kempen pemuliharaan ini yang diperkasakan lagi melalui kerjasama pelbagai pihak, membuka jalan kepada pelbagai lagi usaha G3 dan Genting Malaysia dalam bidang pemuliharaan dan kesedaran alam sekitar. Genting Malaysia bersama rakan-rakan strategik akan terus melibatkan golongan muda, komuniti tempatan dan para pelawat dan pelancong dalam inisiatif yang melindungi ekosistem Malaysia di bawah naungan Genting Bersama Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila layari:

www.rwkijal.com | www.gentingmalaysia.com/sustainability

Bagi sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Ms. Michelle Wong

Head – Public Relations & Communication
Social Commerce and Public Communication
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9608
Email: michelle.wong@rwgenting.com

Ms Nur Fatin Shazreen Ismail

Executive
Public Relations & Media
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9411
Email: fatin.shazreen@rwgenting.com

Mengenai Genting Malaysia

Genting Malaysia Berhad ialah antara syarikat hospitaliti dan rekreasi terbesar dunia. Tersenarai di Bursa Malaysia dengan modal pasaran sekitar RM10 bilion, syarikat ini memiliki dan mengurus beberapa hartanah utama termasuk Resorts World Genting (RWG) di Malaysia, Resorts World New York City, Resorts World Catskills dan Resorts World Hudson Valley (dua yang terakhir melalui syarikat bersekutu dengan pegangan 49%) di Amerika Syarikat, Resorts World Bimini di Bahamas, Resorts World Birmingham dan lebih 30 kasino di United Kingdom, serta Crockfords Cairo di Mesir. Di Malaysia, Genting turut mengendalikan dua resort tepi pantai: Resorts World Kijal di Terengganu dan Resorts World Langkawi di Pulau Langkawi.

RWG yang terletak 6,000 kaki dari paras laut merupakan pusat peranginan tanah tinggi terkemuka di negara ini, dengan lebih 10,500 bilik di tujuh hotel berbeza, taman tema, pusat konvensyen, persembahan antarabangsa, kemudahan membeli-belah dan pelbagai pilihan makanan. Resorts World Awana pula melengkapkan pengalaman ini dengan padang golf, laluan hutan dan akses ke pelbagai tarikan semula jadi. Genting Highlands Premium Outlets, hasil usaha sama antara Genting Plantations Berhad dan Simon Property Group, terus melengkapkan kepelbagaian tarikan yang ditawarkan di Resorts World Genting (RWG), sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi hiburan dan riadah utama di rantau ini. Sebagai tempat kelahiran Kumpulan Genting, RWG akan menganjurkan pelbagai acara promosi dan aktiviti menarik sempena sambutan Ulang Tahun Jubli Intan ke-60 Kumpulan Genting, yang pasti menjanjikan pengalaman yang tidak dapat dilupakan kepada semua pengunjung.

Genting Malaysia merupakan ahli kumpulan Genting Group, salah satu konglomerat multinasional terkemuka dan paling berdaya saing di Asia. Di bawah kepimpinan Tan Sri Lim Kok Thay, seorang usahawan berwawasan, Kumpulan ini telah berjaya memartabatkan jenama Resorts World sebagai peneraju global dalam sektor pelancongan dan hospitaliti, dengan kehadiran kukuh di Malaysia, Singapura, Amerika Syarikat, Bahamas dan United Kingdom. Selain hospitaliti, Tan Sri Lim Kok Thay turut menerajui pelaburan besar dalam pelbagai sektor lain di peringkat antarabangsa termasuk perladangan kelapa sawit, pembangunan hartanah, penjana tenaga, minyak dan gas, pelayaran serta bioteknologi.

Mengenai Genting Bersama Malaysia

Genting Bersama Malaysia merupakan inisiatif CSR jangka panjang oleh Genting Malaysia Berhad yang bertujuan menyokong agenda pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat. Berlandaskan nilai inklusiviti, perpaduan dan kemajuan, inisiatif ini berfungsi sebagai platform untuk Genting menyumbang secara bermakna kepada masyarakat melalui program yang merangkumi pendidikan, pembangunan belia, seni dan budaya, pemuliharaan alam sekitar serta kebajikan komuniti.

Melalui kerjasama dengan kementerian dan jabatan Kerajaan serta institusi pendidikan dan NGO, setiap projek di bawah inisiatif ini direka untuk memberi impak berpanjangan dan membina masa depan yang lebih mampan.

Mengenai Genting Green Generation (G3)

Genting Green Generation (G3) ialah program sukarelawan dalaman di bawah Genting Malaysia yang digerakkan oleh kakitangan syarikat. Ditubuhkan pada tahun 2017, G3 berfokus kepada kelestarian alam sekitar dan penglibatan komuniti melalui pelbagai inisiatif seperti kempen kesedaran alam, pembersihan pantai, penanaman pokok dan pemuliharaan penyu. Program ini bertujuan untuk memupuk rasa tanggungjawab alam sekitar dalam kalangan kakitangan dan pelawat ke Genting Malaysia, serta menggalakkan penglibatan aktif dalam penjagaan alam sekitar secara berterusan.